

Cempaka Putih Untukmu karya Rohani Deraman

1. Persoalan kasih sayang sesama manusia

- Papa (Encik Hasrul) dan mama (Sarah) mengambil berat terhadap anak angkat dan sanggup menanggung kos perubatan Satiah ketika dihantar ke hospital.

2. Persoalan kegigihan untuk menuntut ilmu.

- Walaupun berada di pedalaman yang serba kekurangan, murid-murid di Sekolah Menengah Kuala Batu tetap berusaha untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam PMR, seperti Satiah. Walaupun sering sakit, Satiah sanggup menghadapi penderitaan fizikal dan berjaya memperoleh 8A.

3. Persoalan penagihan dadah dalam kalangan remaja.

- Anak sulung perempuan Pak Morit telah menagih dadah sehingga mati akibat menghidap penyakit AIDS. Seterusnya Mak Usu kepada Hartini dan anak lelaki ketiga Mak Leha juga sering ditahan polis kerana menagih dadah. Pelajar di asrama juga turut terlibat dalam penagihan dadah seperti Junainah dan rakannya Salha.

4. Persoalan kasih sayang dan prihatin ibu bapa terhadap anak.

- Papa dan mama sentiasa sayang dan mengambil berat terhadap pelajaran dan perasaan anak mereka. Ketika Hartini ditahan polis kerana disyaki terlibat dalam penagihan dadah, papa telah menggunakan pelbagai kaedah untuk menyasat perkara itu sehingga membuktikan bahawa Hartini tidak bersalah dan dibebaskan oleh polis.

**terima mana-mana idea / huraian yang relevan dengan novel*

Merenang Gelora karya Roslan Ngah

1) Ibu bapa yang mementingkan kerjaya menyebabkan anak-anak yang terlibat dalam gejala sosial.

- Shahrul yang kurang mendapat perhatian daripada ibu bapanya telah terlibat dalam masalah disiplin sekolah dan bercampur dengan kumpulan motor.

2) Kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak

- Encik Tan memohon kepada pengetua supaya Meng Kong ditempatkan di asrama sekolah supaya anaknya berdisiplin dan berjaya dalam peperiksaan.

3) Hasad dengki dalam persahabatan.

- Shahrul mengarahkan Kumar memasukkan dua kotak rokok ke dalam beg sekolah Meng Kong dibuang dari asrama

4) Tanggungjawab terhadap tugas .

- Badri sebagai pengawas terus merujuk Cikgu Jailani sekiranya pelajar terlibat dalam kes disiplin walaupun melibatkan kawannya Jamil.

**terima mana-mana idea / huraian yang relevan dengan novel*

-PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT-